

# FEM Menjelajah Ke Beijing, China

**RAKAN** Utusan **Media**



SEBANYAK 20 pelajar Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) akan melawat Universiti Jiaotong, Beijing, China pada 19 hingga 23 Jun 2006 ini.

Tujuan lawatan yang disertai kakitangan Fakulti Ekonomi dan Muamalat (FEM) itu adalah seperti berikut:

1. Sebagai program tahunan fakulti,
2. kesinambungan kepada dasar

akademik FEM iaitu mengadakan lawatan industri bagi pelajar tahun satu,

3. lawatan sambil belajar ke institusi-institusi pengajian tinggi luar negara bagi pelajar tahun dua,
4. Mengikuti latihan industri bagi pelajar tahun tiga, dan

• **Lihat halaman 12**



**CERIA...**  
Para peserta Klinik SPM II dan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) di KUIM, Nilai baru-baru ini.

# KINIK SPM III

Membina Jurutera Global

# FEM Menjelajah Ke Beijing, China

• Sambungan dari halaman 1

5. penganjuran seminar atau persidangan bagi pelajar tahun empat.

Secara tidak langsung, lawatan ini turut memperkenalkan KUIM dan FEM ke luar negara dan meneroka peluang kerjasama dalam pelbagai bidang.

Lawatan antarabangsa pada 2004 dan 2005 adalah ke Universiti Islam Negeri (UIN) Syariff-Hidayatullah, Jakarta, Indonesia dan Brunei Darussalam.

Pada kali ini, FEM memilih Universiti Jiaotong, Beijing China kerana reputasinya sebagai institusi pendidikan terbaik di republik China.

Wakil pelajar, Mohd Firdaus Mohd Yusof bangga kerana ini merupakan kali pertama beliau mengadakan program seum-

pama itu yang dikira cukup mencabar terutamanya dari aspek pengurusan program.

Banyak yang dapat dipelajari termasuk dari segi prosedur, cara kerja, kebolehan berkomunikasi dan memimpin dalam sesuatu organisasi dengan baik - sekaligus membentuk keyakinan diri.

Insyirah Mokri, berkata, program seperti itu mampu menecorak personaliti pelajar.

Antara program yang dirancang ialah sesi dialog antara pelajar FEM dan pelajar Universiti Jiaotong, serta lawatan ke pusat-pusat industri dan tempat-tempat perdagangan di sekitar Beijing, China seperti World Bank of China, Capital Land Limited, Beijing Xinggu Corporation.

Untuk keterangan lanjut,

layari laman web: <http://fem.kuim.edu.my/livisit>.

## MAKLUMAN

Program ini masih lagi memerlukan dana sekitar RM28,000 untuk menampung kos termasuk tiket penerbangan.

Bagi yang ingin menyumbang boleh berbuat demikian melalui cek/wang pos/ local order (LO) atas nama **BENDAHARI KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA**, dan hantarkan kepada Dekan Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Kolej Universiti Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan. Tel: **06-7988401/8400**, faks: **06-7988198**.